

25/09/2003

PM lancar InventQjaya bulan depan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan InventQjaya (IQJ), sebuah makmal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) mega seluas 28,000 meter persegi di Cyberjaya pada 11 Oktober ini.

IQJ, usaha sama yang disokong kerajaan dengan Reveo yang berpangkalan di Amerika Syarikat, adalah makmal sains terkini yang berorientasikan ciptaan dibiayai khas bagi membantu memastikan kejayaan Wawasan 2020.

Satu daripada objektifnya ialah menggalakkan saintis Malaysia yang bekerja di luar negara untuk pulang ke negara ini dan menyertai IQJ dalam misinya menukarkan Malaysia menjadi negara pencipta yang unggul di samping mengekalkan nilai tempatan.

IQJ ialah perkembangan daripada Makmal 'Fast Track' IQJ yang dilancarkan Dr Mahathir dan Reveo pada Januari tahun ini, bertujuan menunjukkan kemampuan dan kredibiliti Reveo bagi pembinaan kemudahan tetapnya.

"Ketika Perdana Menteri kembali ke Makmal 'Fast Track' pada 22 Jun, projek berkenaan sudah mencapai apa yang ditetapkan kepadanya dan menghasilkan lebih daripada apa yang sudah dijanjikan sebelum itu.

"Ini termasuk pemindahan lima teknologi, penubuhan struktur makmal dan mengambil bekerja dan melatih 23 saintis tempatan serta juruteknik, mendahului jadual," kata Pengerusi yang juga Ketua Eksekutif Reveo, Dr Sadeg Mustafa Faris.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam, Sadeg berkata, dengan Portfolio Teknologi Edison (ETP) Reveo, IQJ menasarkankan untuk membawa semangat yang dipelopori Thomas Edison ke Cyberjaya.